

# Negara Islam

## Islam dan Demokrasi

“....demokrasi Islam itu tiada serupa dengan demokrasi Barat dalam segala segi dan sifatnya.

“Betul, bagaimana halnya demokrasi Barat, demokrasi Islam juga bercogan: Kemahuan rakyat, persamaan hak, persaudaraan dan kemerdekaan. Tetapi demokrasi Islam bukan berpedoman kepada pertimbangan akal fikiran semata-mata, bahkan semua langkah yang diambil mestilah menurut dan tiada boleh keluar dari ketentuan undang-undang Allah dan Rasul-Nya.” – kata Tuan Muhammad Muin, B.A. dalam kupasannya ini.

### Agama Islam

Di dalam Islam bukan sahaja terdapat peraturan-peraturan cara beribadat tetapi Islam juga membawa pengajaran-pengajaran yang akan dipakai dalam menghadapi dan menyelenggarakan segala peristiwa dunia yang beraneka warna ini, supaya kita mendapat kejayaan dan kebahagiaan.

Islam bukan sahaja agama bagi membentuk jiwa manusia tetapi juga untuk menciptakan keamanan dan keselamatan seluruh dunia. Di samping soal-soal yang bersangkutan dengan perhubungan manusia dengan Allah *subhānahu wa ta’ālā*, Islam mementingkan juga soal bagaimana manusia bergaul dan berhubung sesama sendiri. Cara-cara perhubungan ini tersusun rapat dalam pengajaran-pengajaran Islam di atas susunan yang rapi ini, Islam menegakkan tiang kebahagiaan manusia. Baiknya perhubungan manusia sesama sendiri dan alam seluruhnya, bersandar atas baiknya

perhubungannya dengan Tuhan. Demikian pula sebaliknya, perhubungan manusia dengan Tuhan tiada akan kukuh, selama perhubungan sesama sendiri dan alam tiada sempurna.

Islam menerangkan kepada manusia kewajipan-kewajipan yang mesti dipenuhinya terhadap Tuhan, ibu bapa, anak isteri, keluarganya dan jiran tetangga dan negeri serta bangsanya. Dari soal makan minum, berniaga hutang-piutang, pinjam-meminjam, membawa kepada soal perang, damai, pelajaran dan pendidikan. Dari soal kesihatan dan kebersihan sampai kepada undang-undang alam sehalus-halusnya. Dari soal pendidikan rohani dan jasmani sampai kepada urusan yang berkenaan dengan susunan masyarakat, ekonomi, politik, negara dan perhubungan sedunia.

Berkenaan dengan ibadat, Islam bukan sahaja menyata

dasar-dasarnya tetapi juga garis-garis kecil dari satu-persatu ibadat dan cara-cara mengerjakannya. Lain halnya terhadap soal-soal masyarakat agama Islam hanya menyatakan dasar-dasarnya sahaja. Garis-garis kecil dan keterangan-keterangan dari dasar-dasar itu, demikian juga cara melaksanakannya, adalah diserahkan kepada kebijaksanaan manusia menurut tingkat kemajuan yang terjadi dari satu masa ke satu masa.

“Adalah kamu sebaik-baik umat, yang dizahirkan untuk manusia, supaya kamu menyuruh mengerjakan kebajikan dan melarang melakukan kejahatan.”

Maksud firman Tuhan ini cukup jelas menerangkan satu dasar dari sesuatu masyarakat, iaitu “nasihat-menasihati”. Seseorang tertuntut hidup bergaul dengan orang lain secara ramah-tamah, ingat-mengingati dan nasihat-menasihati. Masing-masing diri

dalam masyarakat itu, diberi tugas dan tanggungjawab memelihara temannya supaya ia selalu mengerjakan perbuatan-perbuatan yang baik dan meninggalkan segala perbuatan yang akan merugikan masyarakat umumnya.

“Hendaklah kamu bermesyuarat dalam pekerjaanmu”.

Dari maksud firman Tuhan ini nyatalah bahawa dalam masyarakat yang berdasarkan nasihat-menasihati itu, segala soal-soal yang timbul dari sehari ke sehari hendaklah dihadapi dan diselesaikan secara adil. Demikian juga, terang dari ayat ini negara yang dicita-citakan oleh Islam ialah negara berdasarkan mesyuarat, negara demokrasi.

“Dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang takwa sekali dari antara kamu.”

## **Berjihad pada Jalan Allah**

oleh: Al-'Allāmah Abū al-A'lā al-Mawdūdī

Al-Qur'ān al-Karīm dengan jelas menerangkan, bahawa orang yang tidak menyahut seruan jihad dan tidak berjihad dengan harta dan jiwanya kerana meninggalkan agama Allah .... maka orang itu termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak percayakan Allah dan Hari Akhirat...

Inilah dia ukuran yang dengannya dapat diukur kebenaran seseorang dan keikhlasannya tentang imannya – kata Al-'Allāmah al-Mawdūdī dalam bukunya yang berharga ini.

**Diterjemahkan oleh Abdullah Basmeh dan Jaafar Albar. Harganya 70 sen sahaja dan belanja mengirimnya 10 sen.**

Pesanlah kepada penerbitnya: **QALAM, Singapura.**



Dari maksud ayat suci ini jelaslah bahawa perhubungan antara satu bangsa dengan bangsa yang lain, antara satu suku dengan suku yang lain, dan antara sebuah negara dengan negara yang lain, hendaklah ditegakkan di atas dasar persaudaraan bukan atas dasar hendak menguasai atau melenyapkan kehormatan pihak yang lain. Pengetahuan umat manusia makin tinggi dan luas dan banyak pula rekaan-rekaan baharu hasil ciptaannya, yang sepatutnya digunakan untuk menguatkan persaudaraan dan merapatkan perhubungan, bukan untuk menekan dan menindas.

Umat manusia diberi kesempatan seluas-luasnya oleh Islam untuk bertindak dan menyusun cara-cara melaksanakan dasar-dasar masyarakat. “Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu.” Demikian maksud sabda Junjungan kita Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam*.

Sebenarnya dari antara peraturan-peraturan Islam yang demikian banyaknya, hanya sedikit sahaja jumlahnya yang dapat dijalankan dengan sendiri. Kebanyakan daripada peraturan-peraturan itu hanya dapat dilaksanakan oleh sesuatu badan penyelenggara yang teratur. Badan ini hendaklah tersusun dengan bentuk negara, negara Islam. Inilah pengertian ayat suci:

“Dan hendaklah ada dalam masyarakat kamu satu golongan yang bekerja mengembangkan kebajikan dan melarang kejahatan.”

Kebaikan yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah segala pekerjaan yang berjalan menurut garis-garis yang sudah ditentukan Allah dan Rasul-Nya. Yang dikehendaki dengan kejahatan ialah segala pekerjaan yang dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya. Negaralah yang dapat menjalankan dan

membela peraturan-peraturan hidupnya dan kehidupan yang telah ditentukan oleh Allah dan untuk keselamatan manusia, dengan saksama.

### **Corak Negara Islam**

Islam menyeru manusia umumnya supaya menggunakan akal dan fikiran dengan seluas-luasnya. Bukan sedikit ayat-ayat Quran yang menggerakkan dan menyuruh memikirkan alam bawah dan alam tinggi, keadaan laut, tumbuh-tumbuhan, haiwan, badan diri sendiri, dan lainnya.

“Katakanlah! Perhatikanlah apa yang di langit dan di bumi.”

“Dia (Allah) yang menurunkan air hujan dari langit, bagi kamu untuk diminum dan untuk tumbuhan, supaya dapat kamu mengembalakan binatang (belaan) kamu. Dia tumbuhkan dengan air itu sawah ladang, zaitun, pohon kurma, anggur dan tiap-tiap buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu menjadi tanda bagi kaum yang mahu memikirkan.”

“Dia memudahkan bagi kamu akan malam dan siang, matahari dan bulan. Semua bintang itu di bawah perintah-Nya. Sesungguhnya pada yang demikian itu menjadi tanda bagi orang yang berakal. Begitu juga, apa yang dijadikannya di atas bumi, yang bermacam warnanya. Sesungguhnya yang demikian itu menjadi tanda bagi kaum yang mahu mengambil peringatan. Dia (Allah) yang menjadikan lautan, supaya dapat kamu makan daging ikan yang lembut. Begitu juga dapat kamu keluarkan daripadanya perhiasan yang kamu pakai. Engkau lihat kapal belayar di dalamnya, supaya dapat kamu mencari kurnia Allah (rezeki), mudah-mudahan kamu bersyukur kepada-Nya. Dia (Allah) yang menetapkan bukit di atas bumi, supaya jangan

bumi menggoncang kamu, begitu juga dijadikan-Nya sungai dan jalan-jalan, mudah-mudahan kamu mendapat pelajaran dari semua yang tersebut. Dan lagi beberapa tanda, sedang dengan bintang itu mereka mendapat pertunjuk” (10-16, al-Nahl).

Demikian diantara firman Tuhan yang menyuruh umat manusia memikir dan menyelidiki segala apa jua yang ada di dunia ini, memikirkan apa yang terjadi dan wujud di dalam alam ini. Disertakan pula dengan keterangan bahawa dari penyelidikan untuk menyingkap rahsia dan hakikat yang ada di dunia, manusia akan beroleh pengetahuan yang berbagai-bagai, dan akan mengetahui betul-betul tentang bagaimana hebat dan besarnya kekuasaan Tuhan, dan bagaimana caranya supaya manusia mengasah akal fikiran.

Demikian pula dalam membahas dan menyelenggarakan urusan-urusan negara, agama Islam tiada menyerahkannya kepada pertimbangan orang perseorangan semata-mata. Malahan soal-soal itu ditetapkan oleh rakyat atau wakil rakyat dalam majlis mesyuarat – parlimen atau Dewan Rakyat. Inilah maksud firman Tuhan:

“Hendaklah kamu bermesyuarat dengan mereka dalam segala perkara.”

Sebenarnya seruan bermesyuarat ini lebih dari seribu tahun yang lalu diperdengarkan ke seluruh dunia, dan juga sudah dilaksanakan oleh Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam*. Begitu juga khalifah-khalifah yang empat selalu bermesyuarat dengan sahabat-sahabat Nabi yang lain, sebelum menjalankan urusan negara yang besar, umpamanya dalam urusan perang dan lain-lain. Ketika Nabi (S.A.W.) hampir wafat, baginda tiada berwasiat dan menentukan siapakah orang yang akan menggantikannya memegang urusan

pemerintahan negara Islam yang telah dipimpin oleh baginda dengan jayanya. Sikap Nabi yang demikian dapat difaham bahawa baginda menyuruh kaum Muslimin supaya mengeluarkan buah fikiran dan pendapat-pendapat mereka dengan sebebas-bebasnya dalam majlis mesyuarat yang akan mereka adakan kelak bagi memutuskan soal yang besar itu. Mesyuarat itu akhirnya telah memilih Saydinā Abū Bakr al-Ṣiddīq menjadi khalifah yang pertama.

Jelaslah bahawa corak pemerintahan yang dikehendaki oleh Islam adalah berdasarkan demokrasi, iaitu segala urusan negara ditetapkan dengan mesyuarat, dan rakyat bebas menegur sesuatu sikap pemerintah.

#### **Sifat Demokrasi Islam**

Akan tetapi demokrasi Islam itu tiada serupa dengan demokrasi Barat dalam segala segi dan sifatnya.

Betul sebagaimana halnya demokrasi Barat, demokrasi Islam juga bercogan: Kemahuan

#### **Anak ‘Abd Allāh ibn Ubay**

Munafik, ertinya orang yang bermuka dua. Munafik yang terkenal di dalam sejarah Islam ialah ‘Abd Allāh ibn Ubay. Perbuatannya menyebabkan turun beberapa ayat Tuhan, tetapi anaknya Ḥabāb, bukan munafik bahkan seorang syuhada yang mengorbankan segala-galanya untuk Allah dan Rasul-Nya.

Baca ceritanya dalam Sejarah Syuhada Islam yang kedelapan.

Senaskhah 50 sen *post* 10 sen.

rakyat, persamaan hak, persaudaraan dan kemerdekaan. Tetapi demokrasi Islam bukan berpedoman kepada pertimbangan akal fikiran semata-mata, bahkan semua langkah yang diambil mestilah menurut dan tiada boleh keluar daripada ketentuan undang-undang Allah dan Rasul-Nya. Sebab menurut keyakinan Islam tidak ada satu panduan yang sempurna untuk menjamin keselamatan dan kebahagiaan umum, selain daripada yang diberikan oleh Allah yang menjadikan seluruh alam dan isinya, dan yang disampaikan oleh Pesuruh-Nya (S.A.W.). Bila akal fikiran, pertimbangan dan pekerjaan manusia mengikut garis-garis yang ditentukan-Nya, bukan sahaja mereka akan beroleh kemajuan yang tinggi, tetapi juga dalam kemajuan itu akan wujud kesentosaan dan kemakmuran yang sempurna.

“Tidak syak lagi bahawa kitab suci *al-Qur’ān* menjadi pertunjuk bagi orang-orang yang takut kepada Allah” – demikian maksud firman Tuhan.

### **Dasar Demokrasi Islam**

Tauhid, sebagaimana yang sudah maklum ialah mengesakan Tuhan. Mengaku bahawa tidak ada Tuhan yang berhak disembah dan ditaati segala perintah-Nya serta diberhentikan segala larangan-Nya, selain daripada Allah *subhānahu wa ta’ālā* semata-mata. Tidak ada kekuasaan yang lebih tinggi selain daripada-Nya. Segala yang berada dalam alam ini, yang bernyawa ataupun yang tidak, ialah makhluk yang dijadikan oleh Allah *‘azza wa jalla*. Dan bahawa sesungguhnya Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ālihi wa sallam* ialah Rasul-Nya. Inilah pengertian ringkas dari tauhid dan “dua kalimah syahadah” yang menjadi dasar kepercayaan agama Islam. Dengan adanya kepercayaan dan keyakinan yang seperti ini, seseorang

itu menjadi Mukmin. Makin tinggi perasaan tauhidnya, makin sempurna iman dan keislamannya.

Islam mendasarkan kepercayaannya kepada tauhid, tiada lain hanyalah kerana hendak mewujudkan demokrasi yang sebenar-benarnya. Sebab dengan kepercayaan tauhid itu, hilanglah rasa sombong, lenyaplah sangkaan seseorang yang menyangka dirinya lebih kuat, lebih mulia dan lebih besar dari orang lain, hamba Allah, sama-sama wajib taat, sama-sama wajib sujud kepada-Nya, dan sama-sama mesti menjalankan perintah dan memberhentikan larangan-Nya. Dari kepercayaan yang seperti ini nescaya akan tumbuh dengan sendirinya perasaan kasih sayang terhadap rakan-rakan yang lemah, perasaan persaudaraan sejati, rasa persamaan yang seluas-luasnya di dalam masyarakat sebagaimana yang dikehendaki oleh demokrasi sejati.

### **Rasa Tanggungjawab**

Rasa bertanggungjawab mustahak sekali bagi mengukuhkan berdirinya sesebuah negara. Pemerintah mestilah bertanggungjawab atas keselamatan dan kemakmuran rakyat. Sebaliknya rakyat mesti pula bertanggungjawab atas terlaksananya segala kewajipan terhadap negara. Kalau rasa tanggungjawab sudah wujud dalam sesebuah negara, maka kedudukan negara itu akan kukuh dan kuat. Manusia bukan sahaja tertuntut memenuhi tuntutan kepercayaan dan tugas menegakkan tiang demokrasi, tetapi juga untuk menimbulkan rasa tanggungjawab yang besar pada diri sendiri atas kewajipan-kewajipan terhadap masyarakat sebagai hamba Allah dan rakyat dari sebuah negara yang membela kebenaran.

Dalam menyelenggarakan kewajipan-kewajipan tersebut seseorang yang bertauhid sejati tidak akan berlaku curang atau melanggar garis-garis yang sudah ditetapkan, sekalipun ia terlepas dari pengawasan manusia: Sebab kepercayaan tauhidnya selalu menjaga segala langkah dan tindakannya barang di mana ia berada, kerana menurut kepercayaannya Tuhan selalu mengawasi dan melihat segala perbuatan yang dilakukan dengan berterang-terang ataupun dengan bersembunyi. Tauhid juga menimbulkan nafsu bekerja hingga jiwa seseorang tiada merasa tenteram dan tenang selagi kewajibannya belum ditunaikan dengan sepenuh-penuhnya. Ia akan merelakan segala pengorbanan yang dimestikan untuk memenuhi kewajipan-kewajipan tersebut.

#### **Persamaan dalam Demokrasi Islam**

Banyak ayat-ayat suci dan hadis-hadis Nabi yang memerintahkan supaya persamaan yang luas dijalankan dengan sepenuhnya dalam kalangan masyarakat dan negara Islam.

Diantara ayat-ayat suci yang menjelaskan perkara ini ialah (maksudnya):

“Hai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya semulia-mulia kamu pada pandangan Allah ialah orang yang lebih takwa kepada-Nya.”

“Hai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah yang menjadikan kamu sekalian dari asal diri yang satu.”

“Hai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan.”

Setelah negeri Makkah dikuasai oleh Nabi dan sekalian orang Arab memeluk Islam dan menjadi

rakyat negara Islam, Rasulullah (S.A.W.) pernah berucap kepada umat Islam yang sedang berhimpun dengan ramainya supaya mereka melemparkan *'aṣabiyyah* jahiliah.

“Wahai kaum Quraisy, insafilah bahawa segala kemegahan jahiliah dan kebesaran datuk nenek kamu telah dihapuskan oleh Tuhan daripada kamu.

“Hai manusia! Kamu semua ialah anak keturunan Adam dan Adam itu dijadikan (oleh Allah) daripada tanah. Tidak ada kemegahan menurut dasar bangsa dan keturunan, tidak ada kemegahan menurut dasar bangsa dan keturunan, tidak ada kelebihan orang Arab dari orang *'ajam* (yang bukan Arab), dan tidak pula ketinggian orang *'ajam* dari orang Arab: Sesungguhnya semulia-mulia kamu pada pandangan Tuhan ialah orang yang tinggi tingkat takwanya.”

#### **Persamaan Hak Politik**

Persamaan ini dimestikan berlaku dalam masyarakat negara Islam, di mana semua rakyat mempunyai dan beroleh hak politik yang sama dengan tiada memandang asal keturunan, pangkat, warna kulit dan lain-lain. Tiap-tiap orang boleh turut menyelenggarakan urusan-urusan negara, asalkan ia mempunyai kelayakan dan persediaan dalam soal itu. Tiap-tiap orang boleh mengemukakan buah fikiran atau teguran-teguran. Tiap-tiap orang mestilah beroleh hak yang bersamaan dan sama mempunyai kewajipan dan rasa tanggungjawab terhadap negara.

Sejarah penuh oleh lukisan riwayat kebebasan beberapa orang miskin dan keturunan hamba sahaya, yang telah memegang jawatan yang tinggi dalam negara-negara Islam pada zaman yang lalu.

## Persamaan Hak dalam Pergaulan Masyarakat

Sebagaimana dalam hak politik demikian juga dalam pergaulan masyarakat, persamaan yang dicita-citakan oleh demokrasi Islam itu mestilah berlaku dengan sepenuh-penuhnya. Dalam masyarakat Islam tiada dibenarkan hidupnya perbezaan kelas yang bertentangan dengan hak persamaan. Si kaya boleh bergandingan duduk dengan si miskin.

Orang-orang awam yang tiada berpengetahuan, boleh bergaul dengan alim-ulama dan kaum cerdik pandai. Ringkasnya Islam tiada memandang kebesaran dan kelebihan seseorang dengan melihat pangkat, pekerjaan, keturunan, kepandaian, malahan kebesaran seseorang itu ditentukan oleh Islam menurut tinggi rendahnya kedudukan batin seseorang kepada Allah *'azza wa jalla*. Demikianlah panduan Islam bagi mewujudkan demokrasi (persamaan) dalam pergaulan masyarakat.

Suatu peristiwa yang menjadi contoh telah ditunjukkan oleh Junjungan (S.A.W.) dalam hal ini.

Pada suatu hari Nabi (S.A.W.) keluar berjalan bersama-sama dengan sahabat-sahabat baginda. Dalam perjalanan itu mereka sekalian telah merasa lapar, dan kerana itu sekalian sahabat Nabi yang berikut serta dalam perjalanan itu pun bermesyuarat tentang bagaimana caranya menyiapkan makanan supaya sedia dengan segera. Nabi (S.A.W.) pun bersabda (maksudnya):

“Pekerjaan menyiapkan makanan ini hendaklah diselenggarakan dengan membahagi-bahagikan pekerjaan antara kita semua. Seorang (dari kita) bekerja mengadun

tepung, seorang lagi menghidupkan api dan membakar roti, dan saya sendiri mengumpulkan kayu api”.

Mendengarkan itu, sahabat-sahabat Nabi berkata: “Ya Rasulullah, menurut apa yang telah kami muafatkan, bahawa tuan tidak tidak payah bekerja. Kami sedia berkhidmat kepada tuan, sehingga tuan tidak sedikit pun merasa susah payah dalam perjalanan ini.”

Permintaan mereka yang tersebut dijawab oleh baginda, ujarnya:

“Permintaan kamu yang demikian tidak menurut garis kebenaran. Allah *subhānahu wa ta’ālā* tidak mengasihi orang yang suka mendapat hak keistimewaan daripada rakan-rakannya yang seperjalanan. Saya sendiri ialah rakan kamu dan sepatutnya turut bekerja menyiapkan makanan, seperti kerja yang kamu lakukan.”

Sehabis baginda menyudahkan perkataannya itu, baginda pun terus pergi mengumpulkan kayu api lalu dibawa ke tempat mereka menyiapkan makanan. Demikian peristiwa itu.

Adapun dasar persamaan dalam pergaulan masyarakat hari-hari sedia dilaksanakan dalam amal ibadat yang diwajibkan oleh Islam. Misalnya sembahyang, cara mengerjakannya yang bersamaan, berjemaah, tiada nampak perbezaan antara orang kaya dengan orang miskin, antara raja dengan rakyat, dan seterusnya. Semuanya sama-sama mengikut seorang imam, sama-sama menghadap kiblat yang satu, sama-sama meletakkan kepala ke tempat sujud, sama-sama boleh duduk di barisan hadapan.